

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]  
TARIKH : 06 MAC 2018  
SOALAN : 65**

Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagi projek pembinaan Hospital Petra Jaya Sarawak serta hospital Sri Aman tarikh jangka masa siap asal iaitu pada permulaannya, tarikh jangka siap sekarang setelah terdapatnya kelambatan, jenis serta butiran bagi penalty yang dikenakan atas kelambatan serta nyatakan secara terperinci jika terdapatnya pengecualian penalti yang dibagikan, jumlah mahupun terma yang dikenakan bagi pengecualian tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Projek pembinaan Hospital Petrajaya dan Hospital Sri Aman merupakan dua projek yang berada dalam status lewat siap berdasarkan jadual asal yang dikeluarkan kepada pihak kontraktor .

Bagi projek Hospital Petrajaya, Sarawak kontraktor yang telah dilantik adalah Zecon Berhad. Tarikh siap asal projek adalah pada 29 November 2016. Manakala tarikh selepas *Extension of Time* (EOT) adalah pada 9 Jun 2017. Tarikh jangka siap terkini setelah pihak kontraktor menandatangani *Supplementary Agreement* adalah pada 30 Jun 2018. Disebabkan kelewatan melaksanakan projek tersebut mengikut jadual, pihak kontraktor telah dikenakan *Liquidated Ascertain Damage* (LAD) berjumlah RM89,506.85 sehari dan jumlah keseluruhan yang dikenakan

adalah RM10,830,328 bagi tempoh daripada 10 Jun 2017 hingga 8 Oktober 2017 iaitu bersamaan dengan 121 hari.

Punca utama kelewatan projek Hospital Petrajaya adalah disebabkan daripada kekurangan sumber kewangan oleh pihak kontraktor.

Untuk makluman bagi projek Hospital Sri Aman, kontraktor yang dilantik bagi melaksanakan projek ini adalah Faltech Engineering Sdn Bhd JV Welfield Services Sdn Bhd. Tarikh jangkaan siap asal projek ini adalah pada 25 Oktober 2018. Walaubagaimanapun projek ini telah mendapat EOT berjumlah 282 hari dan menjadikan tarikh siap semasa terkini pada 3 Ogos 2019.

Punca utama kelewatan projek ini disiapkan adalah kelemahan pihak kontraktor dalam menguruskan isu-isu berkaitan pengurusan di tapak projek dan kekurangan pekerja.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bekerjasama dengan agensi pelaksana iaitu JKR Malaysia telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan projek ini dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Antara langkah yang diambil adalah memastikan pemantauan secara berkala setiap minggu dan mesyuarat tapak dilaksanakan pada setiap bulan.

**SOALAN : 66**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KO CHUNG SEN (KAMPAR)**

**TARIKH : 6 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10542**

**SOALAN :**

**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

**(a) bilangan anggota keselamatan yang meninggal dunia dalam pertempuran dari tahun 1940 hingga 1970 dan perincian anggota keselamatan terkorban mengikut etnik mereka ; dan**

**(b) sama ada Ismail Mina Ahmad, pengerusi Ummah perlu disiasat kerana hasutan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**(a) PDRM dari semasa ke semasa sentiasa berusaha untuk mengumpulkan maklumat anggotanya yang pernah berkhidmat dari tahun 1940 kerana semua maklumat berkenaan merupakan rekod-rekod lama. Berdasarkan rekod dari tahun 1948 hingga 1960, seramai 1,346 orang anggota polis telah terkorban dalam pertempuran. Walau bagaimanapun, perincian bagi etnik tidak dapat diberikan kerana pada waktu itu rekod peribadi anggota tidak lengkap.**

**(b) PDRM akan menjalankan siasatan sekiranya menerima laporan polis daripada orang awam. Namun, sehingga kini tiada laporan diterima mengenai Ismail Mina Ahmad.**